

"Kita perlu belanja secara bijak"

Hasil kutipan
diguna langsung
hutang RM1 trilion
ditinggal
kerajaan
terdahulu: PM

Oleh Mohd Izham
Unnip Abdullah
thaddius@bh.com.my

Kota Kinabalu: Kerajaan Pusat kekurangan wang untuk memenuhi tuntutan Sabah dan Sarawak mendapatkan royalti minyak yang lebih tinggi bagi membiayai program pembangunan di negeri itu, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, banyak hasil yang dikutip Kerajaan Pusat terpaksa digunakan untuk membayar hutang berjumlah lebih RM1 trilion yang ditinggalkan kerajaan terdahulu bagi mengelak negara daripada muflis.

"Kita mempunyai hutang RM1 trilion, kalau kita tidak bayar kita akan bankrap, jadi banyak hasil kita digunakan untuk membayar hutang yang diambil Najib (bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak), itulah peninggalan Najib.

"Sekarang kita kurang wang dan kita perlu belanja secara bijak. Kita akan tentukan ikut keutamaan kita. Yang tinggi kita bagi banyak wang dan yang rendah kita bagi kurang," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Sabah, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Ketua Badan Pimpinan BERSATU Sa-



Dr Mahathir mempengerusikan pertemuan dengan pemimpin BERSATU Sabah di Kota Kinabalu, semalam.

(Foto Edmund Samunting /BH)

bah, Datuk Hajiji Noor.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas pandangan bahawa keperluan dana tambahan Sabah bagi membiayai program pembangunan di negeri itu boleh dipenuhi menerusi peningkatan royalti minyak

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memperbaharui dasar pertanian di Sabah dan Sarawak dengan membangunkan teknologi baharu bagi memastikan rakyat di pedalaman boleh menjadi kaya.

Katanya, ia antara penekanan digariskan Kerajaan Pusat sejajar kedudukan kedua-dua negeri yang memiliki kawasan tanah

"Sekarang kita kurang wang dan kita perlu belanja secara bijak. Kita akan tentukan ikut keutamaan kita. Yang tinggi kita bagi banyak wang dan yang rendah kita bagi kurang."

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

yang luas seperti dinyatakan dalam ucapan sempena sambutan Hari Malaysia di Kuching kelmarin.

"Sabah dan Sarawak sekarang sebenarnya lebih kaya berbanding kebanyakan negeri di Semenanjung. Kita mahu tekankan sesuatu yang Sabah dan Sarawak ada, ia ada banyak tanah.

"Kita mahu perbaharui dasar pertanian moden yang dapat pastikan rakyat di pedalaman juga boleh jadi kaya," katanya apabila ditanya mengenai pemberian Kerajaan Pusat kepada Sabah sempena sambutan Hari Malaysia tahun ini.

Dr Mahathir berkata, Sabah bu-

kan negeri paling miskin di negara ini, sebaliknya ia akan muncul sebagai negeri paling kaya apabila telaga minyak laut dalam yang diteroka di perairannya mengeluarkan hasil.

Terdahulu, Perdana Menteri yang tiba jam 10.30 pagi dari Kuching dalam rangka lawatan sehari ke Sabah mengadakan perjumpaan tertutup dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan jemaah Kabinet negeri.

Beliau kemudian mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin BERSATU Sabah sebelum berangkat pulang ke ibu negara, petang semalam.